

Perkukuh strategi pastikan bangsa BH 22 JUN 2001 cemerlang

Oleh Kamal Ahmad

DENGAN 22 tajuk kecil yang dikupas secara mendalam dan terperinci pelbagai isu yang saling berkait, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menyampaikan ucapannya pada Perhimpunan Agung Umno ke-55, semalam mengajak perwakilan dan orang Melayu merenung semula ke dalam diri serta parti berlandaskan sejarah dan tindak-tanduk mereka selama ini.

Memang ucapan Dr Mahathir tidak banyak berbeza dengan skop, isu, dilema dan permasalahan yang pernah beliau utarakan selama ini.

Malah, beliau seawal 1970-an sudah memberi peringatan mengenai pentingnya memperkasakan jati diri, kesan penyalahgunaan kuasa dan lupa sejarah, ancaman musuh dalaman dan negara asing serta penyelewengan Pas terhadap agama.

Perkara berkenaan dibangkitkan dengan ketara ketika beliau menjadi Timbalan Presiden Umno dan memberi ucapan berkenaan ketika merasmikan persidangan Pergerakan Pemuda atau Wanita Umno.

Semalam, skop, isu dan permasalahan semakin mendalam. Dr Mahathir semakin berterus terang dengan apa yang hendak diperkatakan. Kali ini, rasional, amaran, harapan dan penjelasan beliau bersandarkan sejarah dan tajuk yang begitu keras iaitu 'Melayu Mudah Lupa'.

Dengan tempoh ucapan selama dua jam, Presiden Umno itu boleh disifatkan sebagai mendedahkan fasa kedua dilema Melayu apabila mereka berada pada garis permulaan satu marathon panjang dalam era teknologi maklumat, globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

Jika Dilema Melayu yang beliau tulis memaparkan pelbagai isu termasuk sifat orang Melayu yang sangat rendah diri, kemiskinan, ketiadaan peluang dan tiada daya saing serta bergantung sepenuhnya kepada bantuan kerajaan, semalam Dr Mahathir mendedahkan dilema baru orang Melayu seperti gelojoh hendak cepat kaya, tidak tahu bersyukur, generasi muda yang dilanda gejala hedonisme dan tidak suka belajar, kebang-

trim dalam agama dan politik serta kesanggupan bekerjasama dengan musuh asing untuk menjahanamkan negara.

Inilah dilema generasi selepas merdeka yang tiada pengalaman pahit, hina dan jerihnya dijajah.

Malah, kebimbangan Dr Mahathir mengenai politik wang diperkukuhkan dengan satu contoh ekstrim oleh wakil Umno Selangor, Datuk Mufti Shuib, yang memberitahu ada pemimpin menjadikan Kaabah sebagai umpan meraih sokongan dan beliau meminta perwakilan menilai apakah jenis pemimpin dan ahli Umno yang terbabit itu.

Tetapi sejauh mana pemimpin dan ahli Umno bimbang dengan kesan politik wang dan setakat mana tekad mereka membanterasnya selepas perhimpunan adalah persoalan yang lebih 10 tahun belum berjawab.

Apakah Dr Mahathir akan mengulangi harapannya supaya Umno bebas politik wang dalam perhimpunan tahun depan? Jawapan itu ada di tangan ahli Umno.

Beberapa perwakilan turut membangkitkan soal pilihan raya 2004 dengan meminta segenap lapisan parti digembleng supaya mengatur strategi dan gerak kerja bagi memastikan calon Barisan Nasional cemerlang.

Namun, sejauh mana ahli dan pemimpin Umno merenung sejarah pilihan raya 1999 yang mana calon mereka ramai yang menang tipis. Sekali lagi sejarah harus mengajar Umno.

Dr Mahathir sekali lagi menghentam musuh media asing yang menyediakan satu set kejadian buruk yang diharap-harapkan akan berlaku terhadap Malaysia sejak negara ini merdeka pada 1957.

Malah musuh luar bukan saja medianya tetapi segerombolan pendukung industri yang melakukan pelbagai serangan ekonomi sejak akhir 1980-an dan dipertingkatkan sejak 1997.

Beliau turut mengimbas kembali beberapa perkara seperti senario sosioekonomi orang Melayu sebelum merdeka serta rasional kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan hak keistimewaan orang Melayu.

Sesungguhnya, sejarah harus dikaitkan dengan keinsafan, tekad dan tindakan. Ahli Umno harus menginsafi bagaimana jerih-perih jika bangsa dan negara tergadai.

Ahli Umno harus bertekad tidak mengulangi apa juga sejarah hitam orang Melayu dan Umno sebelum ini.

Pada masa sama, ahli Umno perlu mengatur strategi dan tindakan bagi memastikan kecemerlangan bangsa selama-lamanya.

Syarat paling mudah ialah turun ke akar umbi kerana di situ kekuatan dan sokongan Melayu. Umno juga perlu kembali kepada jati diri, nilai murni dan budaya Melayu yang terbukti mampu melahirkan Melayu tulen sebelum ini.

Selain itu, kembali merenung dan belajar daripada sejarah kerana mereka yang tidak belajar daripada sejarah akan dihukum dengan mengulangi kesalahan, kesilapan dan bencana yang mereka cipta berulang kali.